

PENYATA RASMI

PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA MESYUARAT KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUABELAS

Hari : **30 Julai 2008 (Rabu)**
Masa : **9.30 Pagi.**
Tempat : **(Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang)**

Speaker (YB. Tuan Abdul Halim bin Hussain)
Ahli Kawasan Air Putih (YAB. Tuan Lim Guan Eng) – Ketua Menteri
Ahli Kawasan Penanti (YB. Tuan Mohammad Fairus bin Khairuddin) – Timbalan
Ketua Menteri I
Ahli Kawasan Perai (YB. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy) – Timbalan
Ketua Menteri II
Setiausaha Kerajaan Negeri (YB. Dato' Jamaludin bin Hasan)
Penasihat Undang–undang Negeri (YB. Puan Faiza bt. Zulkifli)
Pegawai Kewangan Negeri (YB. Dato' Supiah bt. Md. Yusof)
Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow)
“ Batu Maung (YB. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim)
“ Bagan Jermal (YB. Tuan Lim Hock Seng)
“ Batu Lancang (YB. Tuan Law Heng Kiang)
“ Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh)
“ Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang)
“ Air Itam (YB. Tuan Wong Hon Wai)
“ Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi)
“ Machang Bubuk (YB. Tuan Tan Hock Leong) – Timbalan
Speaker
“ Pulau Tikus (YB. Tuan Koay Teng Hai)
“ Sungai Bakap (YB. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN)
“ Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady)
“ Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd Rahman)
“ Komtar (YB. Tuan Ng Wei Aik)

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Tuan Yeoh Soon Hin)
“ Tanjung Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu)
“ Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh)
“ Padang Lalang (YB. Tuan Tan Cheong Heng)
“ Kebun Bunga (YB. Tuan Ong Khan Lee)
“ Bukit Tengah (YB. Tuan Ong Chin Wen)
“ Pantai Jerejak (YB. Tuan Sim Tze Tzin)
“ Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji)
“ Sungai Pinang (YB. Tuan Koid Teng Guan)
“ Pengkalan Kota (YB. Tuan Lau Keng Ee)
“ Jawi (YB. Tuan Tan Beng Huat)
“ Batu Uban (YB. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam)
“ Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)
“ Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya)
“ Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid)
“ Bayan Lepas (YB. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad)
“ Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed)
“ Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin)
“ Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah)
“ Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya)
“ Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad)
“ Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria)
“ Bertam (YB. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab)

TURUT HADIR

Encik Rosmin bin Yaakob - Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

Dewan bersidang semula pada pukul 9.30 pagi.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Speaker.

DOA.

YB. Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula. Ucapan penggulungan atas usul Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, dipersilakan.

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, menyambung ucapan penggulungan saya semalam, saya ingin meminta semua rakyat Pulau Pinang bersatu sebagai rakyat setia Pulau Pinang tanpa kira fahaman politik, menuntut hak dan layanan adil daripada Kerajaan Persekutuan, pemberian balik hasil cukai yang dibayar oleh rakyat Pulau Pinang bukanlah satu keistimewaan mengikut suka hati tetapi hak asasi yang tidak boleh diperdagangkan lebih-lebih lagi bila projek RM4.7 bilion telah pun dijanjikan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin bertanyakan mengapakah Kerajaan Persekutuan boleh mengotakkan janji subsidi gas kepada hanya 10 buah syarikat swasta penjana kuasa bebas IPP, Independence Power Producers dengan izin yang mencecah RM36 bilion sejak 1997 tetapi tidak boleh tunaikan janji kepada 1.5 juta rakyat Pulau Pinang melaksanakan projek peoples centric RM4.7 bilion ini. Sepuluh buah IPP telah memperolehi RM35.7 bilion gas subsidi sejak 1997 sehingga Mac tahun ini dan boleh terus menikmati gas subsidi ini sungguhpun meraih keuntungan berpuluhan-puluhan bilion ringgit. Di antaranya YTL Power Generation Sdn. Bhd. dan SEGARI Energy Ranchers Sdn. Bhd. telah pun menikmati gas subsidi RM7.7 bilion dan RM6.7 bilion masing-masing, iaitu sebuah syarikat pun melebihi tuntutan RM4.7 bilion yang diminta oleh 1.5 juta rakyat Pulau Pinang. Adakah adil?, adakah adil bahawa kepentingan 10 buah syarikat (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang(YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Minta laluan,

YAB. Ketua Menteri:

Saya beri habis ungkapan ini, adakah adil bahawa kepentingan 10 buah syarikat boleh terus terjaga dan terjamin sedangkan 1.5 juta rakyat Pulau Pinang, rakyat makin boleh diabaikan, dianaktirikan dan diketepikan dengan begitu sahaja. Bukankah Pulau Pinang pun rakyat Malaysia berbanding dengan 10 buah syarikat ini. Sila Yang Berhormat Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Tuan Speaker, Yang Berhormat Ketua Menteri cuba mengalihkan, membuat *argument* yang saya kira tidak tepat dalam hal ini. IPP yang ini yang saya tahu, yang saya selalu jawab di Parlimen dahulu ya. IPP memanglah ada 10 dan memang mereka dapat subsidi. Harga gas sebenarnya dalam lingkungan RM30 lebih mungkin RM40 BTU. Memang semua dapat termasuk TNB dapat subsidi. Oleh kerana subsidi itulah maka kita punya tarif letrik dapat dikurangkan untuk rakyat, 27 million rakyat dapat faedah daripada subsidi yang IPP dapat dan memanglah Kerajaan pun akui, Kerajaan di Pusat akui bahawa memang mereka buat lebih sikit, untung lebih sikit sebab itu Kerajaan hari ini kenakan *windfall tax* itu sebab dia buat untung lebih sangat, maka Kerajaan kenakan *tax* itu. Hari ini barulah mereka hendak bincang semula tentang tarif, tentang perjanjian dengan kerajaan. Itu cara-cara kerajaan hendak kurangkan keuntungan mereka tetapi yang penting ialah kerajaan bagi subsidi, ini berpunca daripada dululah kalau tuan-tuan ingat, apabila berlaku black-out seluruh Semenanjung *black-out than* diadakan IPP dan dibagi kemudahan banyaklah tetapi tujuannya ialah satu untuk memastikan bekalan elektrik cukup dan tidak tergendala dan kedua apabila beri subsidi begitu tarif dikurangkan. Faedah dapat untuk seluruh rakyat Malaysia ini 27 million termasuk rumah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri lah.

YAB. Ketua Menteri:

Saya rasa ini logik yang saya tidak boleh terima, Tuan Speaker, logik Kerajaan Pusat yang tidak masuk akal. Mengapa saya cakap Kerajaan Pusat bila dia berikan gas subsidi kepada IPP ini tidak masuk akal kerana ini adalah seperti Yang Berhormat Telok Bahang pun tahu. Ini pun terikat dengan *Power Purchase Agreement* (PPA), di mana TNB terpaksa membeli kuasa yang dijanakan oleh IPP sama ada mereka perlukannya atau tidak dan inilah sebabnya kita punya *reserve margin* begitu tinggi dan begitu tidak *productive and efficient* sampai 40% di antara yang paling tinggi di dunia. Bukankah ini merupakan satu pembaziran yang saya rasa hanya menguntungkan IPP. Apakah logiknya apabila sesebuah syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Saham Malaysia boleh meraih keuntungan berpuluh-puluh billion ringgit tetapi pada masa yang sama masih menikmati gas subsidi yang tidak diperolehi dan dinikmati oleh rakyat Malaysia keseluruhannya. Apakah logik bahawa 10 buah

syarikat, nanti..nanti.. duduk dulu. Apakah logik bahawa 10 buah syarikat boleh dapat apa yang semua rakyat Malaysia tidak boleh dapat, bukankah ini yang dicakap, satu lagi bentuk kronisma pihak Kerajaan Pusat kerana kalau cakap dari segi dari aspek untuk memastikan harga yang lebih rendah yang boleh dikenakan ke atas semua pengguna TNB bukankah ia boleh dicapai dengan memansuhkan atau tidak memasuki geranti atau *guaranteed power purchase agreement* iaitu di mana TNB dipaksa membeli kuasa ini sama ada mereka perlu atau tidak so saya rasa YB. Telok Bahang sebagai Setiausaha Parliment Kementerian Kewangan faham tentang perkara ini jangan lima tahun kemudian kena minta itu kesilapan dan bahawa kena bertanggungjawab lagi ini saya rasa terakhir kerana ini tiada kaitan dengan terakhirlah, baik.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Memang Yang Amat Berhormat, saya sudah beritahu *basic*, asasnya ialah bahawa kerajaan hendak keluarkan takrif kalau dia caj gas pada kadar yang sebenarnya takrif mungkin *double* atau *triple* itu asas dia kerajaan bagi, memanglah mana ada syarikat dia buat kalau tidak ada untung buat apa dia hendak buat kerja itu, buat apa dia hendak buat *business* itu kalau tidak untung tetapi mesti ada untung, saya tahu semua ini kita punya *standby power*, *standby capacity* beapa peratus memang, mungkin yang tertinggal di dunialah tetapi sekarang ini kerajaan mula *review* hendak melihat balik mungkin hendak turunkan kepada 25% dan memang juga didapati bila dia beri subsidi begitu banyak maka syarikat-syarikat ini dibuat untung yang banyak kerajaan sujudah *rfealize*...(dengan izin) sebelum ini. Sebab itu ada *working portest* takakan YAB Ketua Menteri tidak tahu, tahu inilah syarikat yang saya sebut tadi mula dengan syarikat-syarikat yang mula *negotiate* balik dengan kerajaan, asasnya itu yang dan say sebut sekali lagi asas dia bahawa kita hendak kurangkan takrif untuk rakyat. Kita Malaysia ini mendapat berbagai-bagai subsidi sebab itu kita punya kadar inflasi antara yang rendah kalau berbanding dengan banyak negara lain kadang naik sampai *double digit* adalah antara satu faktor yang kerajaan telah buat untuk rakyat jadi *argument* itu kita boleh *argue* sampai tengah hari hal lain, ya YB. Tuan Speaker.

YAB. Ketua Menteri:

Saya rasa ada beberapa penghujah yang tidak betul hendak kurangkan takrif elektrik mana kurang tambah lagi tidak tahukah kerajaan baru tambah takrif elektrik untuk TNB, mana ada kurang dan kalau cakap tentang *levy*, *levy* itu akan pakaikah, saya rasa YB. Telok Bahang boleh tanya dalam itu pasaran sekarang mungkin tidak boleh dilaksanakan pun, itu *windfall tax* mungkin tidak boleh dilaksanakan kita lihat kemudianlah. Saya tidak mahu *argue*, saya tidak mahu berbas tentang perkara itu, kita lihat kemudian sama ada boleh dilaksanakan atau tidak boleh dilaksanakan sama ada itu ada *politic will* keasaman politik untuk melaksanakannya dan yang tadi YB. Telok Bahang

menyebut bahawa syarikat mesti mendapat keuntungan baru mereka akan bina stesen penjana kuasa, tentu mereka perlu mendapat keuntungan, keuntungan munasabah okey, tetapi tidak sampai keuntungan RRRR 16%, 17%. Ini sudah lebih sesungguhnya bekas Pengerusi TNB Tan Sri Ani Arof, jangan ini, jangan, saya ingat YB. Telok Bahang mungkin sudah lupa Tan Sri Ani Arof bekas Pengerusi TNB cakap apa ini tidak berkepentingan nasional, Tan Sri Ani Arof sendiri yang memberitahu perkara ini boleh nafi tak, mana berani nafi dia sendiri yang cakap bahawa ini tidak berkepentingan nasional kalau tidak percaya boleh rujuk balik kepada keratan akhbar dan boleh tanya beliau sendiri kerana ini hanya mementingkan beberapa syarikat IPP sahaja oleh sebab itu kita rasa bahawa sekiranya IPP boleh dapat keistimewaan seperti ini mengapa hak yang sepatutnya yang dimiliki oleh rakyat Pulau Pinang boleh dinafikan sebegini sahaja, saya tidak mahu pergi dengan berbahas ujah-ujah tentang *theory economic* sama ada monopolii sedemikian adakah baik atau tidak tapi YB. Telok Bahang patut tahu di semua negara membangun mana ada perjanjian, mana ada kontrak IP yang diberikan seperti IPP sedemikian tidak ada hanya di Malaysia sahaja yang ada ini satu lagi Kerajaan Barisan Nasional Malaysia boleh punya teori ekonomi.

YB. Tuan Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat dari pihak Pembangkang pula cuba memusing dan memutarkan belitkan isu usul yang saya bentangkan semalam bahawa dengan mengatakan mereka tidak memberi sokongan atas fakta yang tidak tepat untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini fakta tentang kos dan bentuk pembiayaan projek ini dipetik daripada Kerajaan Persekutuan iaitu laporan Rancangan Malaysia Yang Ke Sembilan mungkin YB. Telok Bahang tidak membaca, kalau baca pun tahu apakah kos peruntukan yang disebut ini, tentu dihalaman belakanglah, mungkin baca depan tapi tidak membaca di belakang.

Peruntukan jadual A3, baca di sini peruntukan pembangunan dan anggaran perbelanjaan Kerajaan Persekutuan mengikut negeri. Pulau Pinang diperuntukkan pembangunan di bawah RMKe-9 RM6,152 juta. PFI seperti yang disebutkan oleh semua Yang Berhormat semalam semua PFI berapa, RM494 juta sahaja. Ini projek penswastaan, macam mana RM494 juta ini cukup untuk membiayai projek monorel yang membelanjakan RM2 bilion, PORR RM1.5 bilion atau empangan air Mengkuang RM1.1 bilion. Oleh itu jelas sekali mengikut laporan RMKe-9, laporan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, laporan yang mana YB. Telok Bahang sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan yang sendiri meluluskannya peruntukan pembangunan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Terima kasih, YB. Tuan Speaker, PFI RM494 juta untuk pembangunan projek peruntukan Kerajaan Pusat RM6,152 bilion untuk RMKe-9. Yang Berhormat dalam pembangunan ini dia makan masa *misstate over*, dia makan masa *misstate over* RMKe-10 kerajaan beri, mengapa kerajaan hendak peruntukan begitu banyak duit kalau memang kita tahu kena selesaikan masalah tanah dia makan masa perancangan, makan masa dan sebagainya pelaksanaan projek dia bukan boleh, kalau beri duit pun dia tidak boleh pakai, tidak boleh gunakan dujit itu dengan begitu cepat kerana dia perancangan, *designing, planning* hal tanah kena selesai, ada beberapa peratus ke atas tanah itu kena selesaikan di Pulau Pinang pula memang kita beri keistimewaan. Kerajaan dahululah beri keistimewaan kepada *ground tenant* biasanya dapat beigu baik, begitu banyak ini semua diambil kira dan dia akan ambil masa. Itulah samalah dalam pentadbiran kerajaan lama sebab itulah, saya tahu *I am not surprise*, tidak terkejut kalau kerajaan beri banyak itu untuk PFI itu pula apa dia, apa dia PFI Yang Berhormat dalam parti, kalau ada syarikat yang hendak membuat PFI boleh buat, dia ada duit, dia boleh buat dan Kerajaan Negerilah boleh bayar dalam masa 20 hingga 30 tahun dia punya kos, lainlah termasuk *interest*, termasuk sekali dalam projek itu jadi yang ini peringkat mula RM6.152. Ini peringkat mula, lepas itu *review* keadaan ekonomi sekarang, kerajaan *review* ini kena *down work* atau *part work* atau *part work*. Dalam hal ini dia *review* ke bawah dan kita kena ingat juga kos kegunaan pembangunan, *contruction* dan sebagainya kos yang tinggi. Dahulu besi RM1,200 setan, sekarang hampir RM5,000 setan. Banyak projek yang saya tahu di bawah JKR telah dipulangkan balik kerana tidak boleh buat, kalau hendak sambung juga kena tambahlah peruntukan dan sebagainya. Jadi kerajaan juga boleh ingat, mana-mana jadi, saya cakap bagi pihak Kerajaan Pusat tidak kenalah. Tetapi amalan yang biasa dibuat dia tengoklah yang mana yang penting, dia buat dahulu kemudian yang tidak penting dilambatkan dalam hal Pulau Pinang ini pun Tuan Speaker. Pulau Pinang ini pun bukanlah kerajaan potong terus tidak tangguh dulu ya.

YAB. Ketua Menteri:

Saya amat kesallah sebagai seorang Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan nampaknya tidak tahu, tidak arif tentang prosuder kewangan ini ialah RMK-9 lima tahun antara 2006 hingga 2010 dan projek monorel dan juga tida (3) hadiah ini yang diumumkan oleh YAB. Perdana Menteri akan dilaksanakan dan disiap bina dalam tempoh RMK-9 ini telah dinyatakan berkali-kali oleh beliau dan sekiranya ia akan disap dalam tempoh lima (5) tahun RMK-9 ini telah dinyatakan berkali-kali oleh beliau dan sekiranya ia akan disiap dalam tempoh lima (5) tahun TMK-9 mana itu PFI untuk menampung perbelanjaan berbilion-bilion ringgit di Pulau Pinang. Ini jelas sekiranya Yang Berhormat Telok Bahang hendak menafikan kesahihan kebetulan RMK-9 yang

telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat di Parlimen dan telah diluluskan oleh Dewan Rakyat di mana YB. Telok Bahang sama-sama mengambil bahagian, adakah sekarang hendak pertikaikan kesahihan laporan ini. Ini kita buang sahaja kerana ia tidak tepat. Saya rasa kalaupun hendak menangkis ujah-ujah oleh pihak kerajaan demi sekarang janganlah sampai membuang bayi bersama dengan air itu tidak patut, itu tidak betul manalah kita berbahas tentang ujah-ujah yang tepat dan di sini ketara dinyatakan apakah jumlah PFI, apakah jumlah keuntungan kewangan saya rasa YB. Telok Bahang kita cakap dari segi tempoh masa yang disiapkan monorel adalah akan disiapkan mengikut apa yang diberitahu oleh kami pihak kerajaan dari NCB ialah kurang daripada tiga tahun iaitu dalam masa tempoh lima tahun ini. Oleh itu saya rasa YB. Telok Bahang tidak boleh lari kalau cakap projek penswastaan RMK-9 mengatakan ia bukan projek penswastaan itulah buktinya daripada Kerajaan Pusat sendiri, so sekarang saya tidak perlu tahulah kerana menerang balik apa yang sudah dinyatakan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Yang Amat Berhormat cuma hendak mengelirukan Dewan, itu perangkaan angka-angka yan telah dibuat masa permulaan RMK-9 sekarang review dikurangkan kerana keadaan kewangan semasa, Rancangan Malaysia Ke Sembilan itu bukan satu perkara yang bukan mesti diikut infrastruktur walaupun diluluskan oleh Parlimen tetapi dia *review* dan di bawa ke Parlimen dan Parlimen setuju maka adalah *download* dia punya perubahan itu.

YAB. Ketua Menteri:

YB. Telok Bahang dia sudah lupa apa yang rakan-rakan dan beliau sendiri sebut semalam Yang Berhormat dari pihak Pembangkang mengatakan ini projek penswastaan, ini bukan pembangunan mana melibatkan wang kerajaan dan apabila saya menunjukkan bukti kalau projek penswastaan PFI ini disebutkan oleh Yang Berhormat tetapi PFI ini tidak sampai satu bilion pun, tidak sampai setengah bilion macam mana boleh buat PFI macam ini itu yang saya cakap sekarang apa yang disebutkan oleh Ahli Pembangkang sekarang tidak sampai 24 jam seudah tidak kira, apa ini.

88

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan, saya ingat Yang Amat Berhormat sendiri mengakui bahawa memang projek PFI ini ada di situ, ada RMK-9 mengatakan peruntukan yang disediakan untuk membina Monorel dan juga peruntukan yang disediakan untuk PORR. Yang disediakan hanya RM494 juta untuk tujuan teknikal dan pengambilan balik tanah untuk projek-projek penswastaaan, ini yang ditekankan. Saya ingat YAB. Ketua Menteri *check* dengan teliti kerana memang

projek ini adalah projek penswastaan, bukan projek yang diperuntukkan keseluruhan. Tidak ada pun dalam buku tersebut yang menyatakan projek itu tertera sebagai projek yang diperuntukkan berapa billion sedangkan peruntukan keseluruhannya bagi Negeri Pulau Pinang RM6,152 juta seperti mana Yang Amat Berhormat katakan.

YAB. Ketua Menteri:

Itu harga kos dan harga anggaran tidak disebut tetapi projek disebut. Di sini saya ingat mungkin YB. Penaga atau siapa, saya sebut sekarang. Kalau peruntukan daripada Kerajaan Pusat adalah kos untuk pengambilan tanah sahaja, yang lain-lain ialah PMI. Sekarang YB. Sungai Dua pula cakap itu pun dari PMI, kos pengambilan tanah pun dari PMI. Apa ini? Sekarang YB. Sungai Dua pun dua kali lima, lima kali dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Jasmin bin Mohamed):

Saya ingat YAB. Ketua Menteri cuba kelirukan fakta. Saya cakap dengan jelas bahawa(gangguan).

YAB. Ketua Menteri:

Tak usahlah, tak usahlah cakap macam ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

YB. Tuan Speaker, dengan izin, *point of order*. (ketawa). Kelmarin YB. Tuan Speaker kata sudah nasihat di bawah Peraturan 46(13) kita tidak boleh membuat apa-apa tuduhan. Di sini saya lihat YB. Sungai Dua kata YAB. Ketua Menteri keliru tetapi saya rasa yang keliru ialah YB. Sungai Dua kerana memang dia tidak ada buku tersebut. Dengan ketiadaan buku tersebut dia sekarang membuat berbagai-bagai tuduhan dan pernyataan. Dia tidak ada buku bagaimana dia hendak tahu adakah atau tidak apa-apa kenyataan dalam buku tersebut. Yang ada buku Rancangan Malaysia adalah YAB. Ketua Menteri kita, jadi janganlah buat tuduhan tanpa membuat pemeriksaan fakta, jangan buat tuduhan melulu kerana dia tidak ada buku tersebut.

YB. Tuan Speaker:

Yang Berhormat, bertenang. Saya hendak teruskan.

YAB. Ketua Menteri:

Saya hendak teruskan juga. Seperti yang saya sebutkan tadi, mengikut laporan RMK-9.....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yoew):

Penjelasan.

YAB. Ketua Menteri:

Silakan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yoew):

Sebelum Yang Amat Berhormat melanjutkan hujah, tadi YB. Sungai Dua berkata bahawa RM400 juta lebih itu untuk tujuan pengambilan balik tanah dan teknikal, kalau begitu pun peruntukan ini harus diambil dari bahagian tanggungan Kerajaan Pusat dan bukan dari PFI. Bagaimana PFI swasta perlu tanggungjawab atas pengambilan tanah jika peruntukan diberikan untuk pengambilan tanah. Ia harus dari Kerajaan Pusat dan bukan swasta yang harus memikul.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan sebab saya hendak bagi YB. Padang Kota jelas. Peruntukan yang disediakan ini adalah peruntukan Kerajaan Pusat. Peruntukan ini disediakan untuk tujuan pengambilan tanah dan juga teknikal untuk projek penswastaan ini. Ini yang disediakan kalau tidak, tidak masuk dalam bajet ini. Sebab itu kena jelaskan, kena tengok betul-betul laporan dan baca betul-betul, adakah peruntukan disediakan untuk projek Monorel dan PORR.

YAB. Ketua Menteri:

Saya rasa saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat, bacalah dengan baik-baik RMKe-9 kerana nampaknya tidak baca dengan baik, itu sebab sehingga sekarang tidak tahu apakah(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Jasmin bin Mohamed):

Saya minta Yang Amat Berhormat buktikan ada atau tidak peruntukan yang disediakan untuk Monorel dan PORR, ada atau tidak?

YAB. Ketua Menteri:

Ada, memang ada.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Jasmin bin Mohamed):

Berapa?

YAB. Ketua Menteri:

Ini telah diumumkan oleh YAB. Perdana Menteri.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Jasmin bin Mohamed):

Ini projek penswastaan.

YAB. Ketua Menteri:

Kalau projek penswastaan, takkan RM494 juta ini cukup untuk membina Monorel, cukup untuk PORR dan cukup untuk Empangan Mengkuang, tidak cukup. Sekarang apa yang kita lihat memang jelas tetapi YB. Sungai Dua masih berdegil dan hendak menafikan bahagian ini. Tak payah, tak payahlah, sila duduk, kerana yang jelas di depan masih tidak mahu mengakui, apa kita boleh buat. Angka ini semua tidak boleh tipu, angka ini memang sahih, bukti ada dalam buku ini. Balik dan bacalah. Mengikut laporan RMKe-9, peruntukan pembangunan untuk Pulau Pinang adalah sebanyak RM6,132 juta dan PFI adalah RM494 juta sahaja. Sekiranya PFI ditambahkan hingga ke tahap yang lebih besar, seperti yang dikatakan oleh YB. Sungai Dua, tambah pun hingga RM6001 juta pun tidak cukup, mana ada sampai seperti dikatakan berbilion-bilion ringgit seperti yang didakwa oleh pihak pembangkang untuk menampung pembinaan Monorel, RM2 bilion, PORR RM1.5 milion dan Empangan Mengkuang sebanyak RM1.1 bilion. Oleh itu adalah tidak benar sama sekali bahawa ia adalah projek penswastaan sepenuhnya.

YB. Tuan Speaker, berdasarkan data juga daripada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd., jumlah luas kawasan tадahan air mentah di Pulau Pinang sekarang ini adalah sebanyak 62.9 km persegi. Jumlah penggunaan air bersih di Pulau Pinang yang berdaftar sehingga tahun 2007 direkodkan seramai 491,127 pengguna di mana 719 juta padu liter air digunakan setiap hari berbanding 865 juta padu liter air yang dikeluarkan. YB. Tuan Speaker, ini menunjukkan:

- (i) Unjuran penduduk Pulau Pinang pada tahun 2010 adalah seramai 1,609,000,00 orang berbanding dengan 1,518,500.00 orang pada tahun 2007. Oleh itu kapasiti sedia ada tidak akan mampu menampung permintaan domestik dan industri yang semakin meningkat khususnya menjelang tahun 2010.

- (ii) Dengan pembesaran Empangan Mengkuang, iaanya akan dapat mempertingkatkan kapasiti simpanan air mentah supaya dapat digunakan pada musim kemarau. Sumber air yang disalurkan ke Empangan Mengkuang sekarang bergantung sepenuhnya dari Sungai Muda. Pada kebiasaananya air Sungai Muda akan berkurangan ketika musim kemarau. Justeru itu dengan pembesaran Empangan Mengkuang sedia ada, bekalan air mentah akan dapat dipastikan masuk ke empangan dengan kapasiti yang mencukupi untuk menghadapi dan mengatasi masalah kekurangan air pada musim kemarau kelak.
- (iii) Sekiranya projek pembesaran Empangan Mengkuang tidak dapat dilaksanakan, adalah dicadangkan agar Kerajaan Negeri mempertimbangkan cadangan Krian Development Scheme (KDS). KDS ini akan menggunakan kaedah penyaluran air mentah tetapi tentulah ia memerlukan pelaburan perbelanjaan yang besar yang mungkin tidak dapat ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

Adalah sungguh tidak bertanggungjawab bahawa projek pembesaran Empangan Mengkuang ini ditangguhkan bila sumber bekalan air begitu kritikal untuk kehidupan rakyat Pulau Pinang. Adakah Kerajaan Persekutuan dan pihak pembangkang rela melihat kita hidup dengan keadaan catuan air demi memenuhi motif politik mereka. Untuk menafikan projek pembesaran Empangan Mengkuang adalah ujian kritikal menunjukkan sama ada kita bertaksub kepada pemimpin ataupun kita bertakwa kepada Tuhan dan rakyat yang memilih kita.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Jasmin bin Mohamed):

Minta laluan.

YAB. Ketua Menteri:

Silakan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Jasmin bin Mohamed):

Projek Empangan Mengkuang ini juga, sebenarnya Kerajaan Negeri belum menyelesaikan masalah pengambilan balik tanah. RMKe-10 akan berjalan pada tahun 2010-2015. Sebab itu selepas selesai pengambilan tanah, rancangan ini akan dimasukkan dalam RMKe-10, itu yang ditekankan oleh YAB. Perdana Menteri. Kita selesaikan masalah pengambilan balik tanah ini dahulu, dalam dua tahun ini 2008 hingga 2009.

YAB. Ketua Menteri:

Dalam projek sekritikal ini kita akan selesaikan apa yang di bawah tugas dan kuasa Kerajaan Negeri. Sekarang ialah kita tidak dapat sebarang jawapan langsung dari pihak Kerajaan Persekutuan untuk melaksana dan meneruskan projek ini. Inilah hakikatnya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):

Penjelasan. Adakah Yang Amat Berhormat menyatakan bahawa hanya projek Empangan Mengkuang ini yang kritikal, projek RTB tidak kritikal, dan tidak pula memberi kerjasama untuk menyelesaikan dan menyiapkan RTB Sungai Muda. Jadi kita perlu juga memberi pertimbangan yang menyeluruh dan bukan sahaja menekankan kepada Empangan Mengkuang, sedangkan RTB sudah ada duit dan projek sudah berjalan, kenapa tidak membantu untuk menyiapkan dengan segera.

YAB. Ketua Menteri:

Saya rasa YB. Telok Ayer Tawar, *please do not put words into my mouth*. Bila saya kata RTB Bertam tidak kritikal. Sebagai seorang lawyer, YB. Telok Ayer Tawar mesti ada bukti, bila saya kata ianya tidak kritikal? Janganlah cakap sesuka hati, bercakap mesti bertanggungjawab, *you are the lawyer, be responsible, when have I said*, tunjuk bukti bila saya cakap itu tidak kritikal.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):

Saya kata janganlah menganggap Empangan Mengkuang sahaja yang kritikal...(gangguan).

YAB. Ketua Menteri:

Itu lain, menganggapkan, ... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):

Saya tidak menuduh, saya tidak katakan. Saya kata janganlah menganggap Empangan Mengkuang sahaja kritikal, saya kata projek RTB juga kritikal.

YA.B. Ketua Menteri:

Saya rasa sekarang bila kena tangkap, cuba hendak lari. Sama-sama juga, saya rasa kita harus berprofesional tentang apa yang kita cakap dan jangan mendakwa apa yang kita tidak cakap. Saya tidak pernah bercakap RTP

Bertam tidak kritikal dan tidak pernah menganggap pun ianya tidak kritikal. Ini semua mungkin dalam mimpi ataupun YB. Telok Ayer Tawar hendak membuat satu gambaran yang tidak benar. *It is not fair and it is not professional.* Di sini, seperti yang telah saya jawap sebelum ini, tentang RTB Bertam, kita sedang menunggu jawapan dari Kerajaan Persekutuan, maklum balas dan feedback dari Kerajaan Persekutuan. Janganlah buat tuduhan melulu, liar dan tidak benar seperti ini.

Sehingga kini UPEN masih belum menerima senarai keseluruhan projek yang diluluskan di bawah kajian separuh penggal RMKe-9. Walau bagaimanapun, senarai projek hanya diterima daripada Kementerian Pelancongan Malaysia bagi projek pelancongan yang diluluskan untuk Pulau Pinang berjumlah RM39,686,172.00. Senarai ini tidak termasuk projek menaik taraf Keretapi Bukit Bendera berjumlah RM40 juta yang telah pun dikembalikan dan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan.

YB. Tuan Speaker, peruntukan menaik taraf infrastruktur asas kawasan perindustrian ini telah dikurangkan sebanyak 52% iaitu untuk kawasan perindustrian Negeri Pulau Pinang, baik di kawasan pulau maupun di kawasan besar, ianya dikurangkan sebanyak 52% daripada RM128 juta kepada RM61.8 juta. Ini akan menyusahkan kita menunaikan janji kita kepada para pelabur. Oleh itu adalah jelas tidak ada asas yang rasional dan wajar untuk menolak usul ini. Fikirlah dengan waras sebelum ahli-ahli pembangkang membuat keputusan untuk menolak usul hasil hasrat rakyat mahukan balik projek pembangunan yang dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan kerana pihak pembangkang kini bukan sahaja mewakili parti UMNO tetapi juga mewakili semua parti komponen Barisan Nasional Pulau Pinang. Janganlah ikut sentimen hasad dengki kerana kalah dalam Pilihanraya Umum 2008. Hendak balas dendam dan ikut rentak buruk siku serta cakap tak serupa bikin

Penolakan usul ini juga akan mengkhianati sumpah kita sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri iaitu bahawa kita akan menunaikan kewajipan dengan jujur dan segala daya upaya dan menumpahkan taat setia sebenar kepada Negeri Pulau Pinang dan Persekutuan Tanah Melayu dan akan memelihara melindungi serta mempertahankan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang dan setiap kali sebelum kita bermesyuarat kita pun ada baca doa di mana kita selalu memperingati diri sendiri, kita mesti menjaga kepentingan rakyat Pulau Pinang. Inilah masanya membuktikan bahawa kita tidak bersikap munafik dalam perkara ini atau hipokrit dalam perkara ini. Adakah kita ikut doa yang kita baca setiap hari atau pun kita ikut sumpah yang kita buat sebelum kita menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Perkara ini terlalu penting untuk menjadi satu permainan politik kerana membabitkan pembangunan ekonomi dan kebahagian rakyat. Marilah kita bercakap dengan satu hati sebagai warga yang membayar cukai cintai Pulau Pinang dan Malaysia. Marilah kita cakap dengan satu suara kepada Kerajaan Persekutuan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita pun sayang tahu bahawa rakyat Pulau Pinang mahukan balik milikan kita yang telah pun dijanjikan.

Saya mohon menyokong YB. Tuan Speaker. YB. Tuan Speaker, saya minta bahawa belah bahagi dibuat mengikut Peraturan Mesyuarat 114.

YB. Tuan Speaker:

Ada yang menyokong.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

